

Kempen PruBSN Tunai Vaganza Pusingan ke-2

Terma dan Syarat

- Kempen ini ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). Melalui penyertaan anda dalam Kempen ini, anda terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini.
- Tempoh Kempen: 1 Mei 2022 hingga 31 Mei 2022, termasuk kedua-dua tarikh ini.
- Pelanggan yang Layak hendaklah memberikan butiran nama penuh, nombor kad pengenalan, e-mel, maklumat untuk dihubungi/nombor telefon dan maklumat akaun bank (untuk e-Kredit) yang tepat dalam borang cadangan atau PruBSN Touch sebelum 15 Jun 2022.
- Kelayakan Kempen:
 - Pelanggan yang menyertai sijil baharu (Bisnes Baru) **PruBSN AnugerahPlus** atau **PruBSN AsasLink (PruBSN Setia/PruBSN Impian)** yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dan menyerahkan borang cadangan kepada PruBSN dalam Tempoh Kempen, dimana sijil tersebut haruslah diterima (diluluskan dan dikeluarkan) sebelum 15 Jun 2022 ("Pelanggan yang Layak").
 - Sijil hendaklah kekal berkuat kuasa dengan pembayaran sumbangan yang terkini, tiada sumbangan tertunggak, tiada pengurangan sumbangan dan tiada pengeluaran separa sijil sehingga 30 September 2022.
 - Kaedah Pembayaran** haruslah dilakukan melalui:
 - Kad Kredit/Debit diikuti dengan pendaftaran atas talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch, atau**
 - Debit Terus diikuti dengan pendaftaran atas talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch**
- Ganjaran Kempen:
Setiap Pelanggan yang Layak akan menerima **ganjaran tunai** ("Ganjaran") berdasarkan syarat kelayakan sijil seperti jadual di bawah:

Pelan	Syarat Kelayakan setiap Sijil	Ganjaran setiap Sijil
PruBSN AnugerahPlus	- Jumlah Sumbangan Tahunan* RM2,400 - RM4,799; - Dilampirkan dengan rider Crisis Protector dan/atau Crisis Shield dan/atau Cancer Protector	Bersamaan amaun sumbangan* untuk 1 bulan
	- Jumlah Sumbangan Tahunan* RM4,800 dan ke atas; - Dilampirkan dengan rider Crisis Protector dan/atau Crisis Shield dan/atau Cancer Protector	Bersamaan amaun sumbangan* untuk 2 bulan
PruBSN AsasLink (PruBSN Setia/ PruBSN Impian)	- Jumlah Sumbangan Tahunan* RM3,000 - RM5,999; - Dilampirkan dengan rider Crisis Protector dan/atau Crisis Shield dan/atau Vital Care Plus	Bersamaan amaun sumbangan* untuk 1.5 bulan
	- Jumlah Sumbangan Tahunan* RM6,000 dan ke atas; - Dilampirkan dengan rider Crisis Protector dan/atau Crisis Shield dan/atau Vital Care Plus	Bersamaan amaun sumbangan* untuk 3 bulan

*Tidak termasuk Takaful Saver. Jika kaedah bayaran sumbangan sijil selain mod bulanan, sumbangan bersamaan bulanan akan digunakan sebagai asas bagi pengiraan ganjaran tunai.

- Pelanggan yang Layak untuk mendapat Ganjaran akan dimaklumkan melalui SMS yang dihantar ke nombor telefon pemilik sijil seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan atau PruBSN Touch.
- Ganjaran akan dikreditkan kepada Pelanggan yang Layak berdasarkan butiran e-Kredit yang dinyatakan dalam borang cadangan atau PruBSN Touch mulai 31 Oktober 2022.
- Kempen ini mengecualikan kes-kes ejen sendiri (dimana ejen adalah pemilik sijil/orang yang dilindungi dalam pelan tersebut).
- Semua hak, kepentingan, hak milik dan faedah Ganjaran adalah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan yang Layak setelah Ganjaran dikreditkan.
- Ganjaran yang ditawarkan di sini tidak boleh dianggap sebagai perubahan kepada terma dan syarat sijil takaful yang diterima dimana semuanya adalah tertakluk pada pemprosesan standard atau pengunderaitan PruBSN.
- Keputusan PruBSN terhadap pemberian Ganjaran tersebut adalah muktamad dan tertakluk pada terma dan syarat ini, dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- Terma dan syarat ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.